Di samping itu, ibu bapa patutlah menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka, bak kata pepatah “bagaimana acuannya, begitulah kuihnya”. Ibu bapa boleh membaca bersama mereka, mengajar cara-cara membaca, dan juga menggalakkan mereka supaya menyertai pertandingan bercerita atau membaca yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Dengan cara ini, pelajar-pelajar berminat untuk membaca apabila ibu bapa meluangkan masa bersama-sama. Lagipun, pelajar-pelajar dapat menyertai pertandingan ringkasan.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk budaya membaca anak-anaknya. Sikap membaca mendatangkan banyak faedah kepada kita. Tegasnya, marilah kita membaca setiap hari sebagai rutin kehidupan.



网络图片

Peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini.

Junior Dua
Tempat Ketiga
Tan Wei Teng
J 2 Keberanian

Minat membaca semakin merosot dari semasa ke semasa. Hal ini dikatakan kerana kebanyakan masyarakat tidak dipupuk tabiat suka membaca sejak kecil lagi. Oleh itu, ibu bapa merupakan faktor yang utama untuk mengatasi masalah kurang minat membaca. Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini?

Salah satu peranan ibu bapa untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar ialah ibu bapa mestilah menjadi pengasuh kepada anak yang masih belum belajar di sekolah dan juga mempunyai tabiat suka membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan insan yang paling erat dengan anak-anak dan ini menyebabkan kebanyakan anak akan mengikut jejak ibu bapanya. Sekiranya anak mempunyai sebarang pertanyaan, ibu bapa hendaklah menjawab dengan sabar. Oleh itu, anak-anak akan suka membaca jika ibu bapanya juga suka membaca, bak kata pepatah, ‘bagaimana acuan, begitulah kuihnya.’

Selain itu, ibu bapa boleh mewujudkan sudut membaca atau perpustakaan mini di rumah. Ibu bapa mestilah membeli rak-rak buku. Ibu bapa juga boleh membeli pelbagai buku supaya anak-anak dapat membahagikan jenis-jenis buku dengan sendiri. Hal ini membolehkan anak dapat memupuk sikap tanggungjawab dan disiplin sementara mengemas rak-rak buku. Oleh itu, anak bukan sahaja dapat menuntut ilmu pengetahuan tetapi juga dapat memupuk nilai-nilai yang baik.

Seterusnya, ibu bapa boleh membawa anak ke pesta buku atau ke perpustakaan awam dalam

masa tertentu. Ibu bapa boleh membiarkan anak mereka membeli buku sendiri dengan wang yang terhad. Hal ini membolehkan anak bijak memilih buku dengan membelanjakan wang dengan berhemat. Perpustakaan awam juga mempunyai buku-buku yang tiada di rumah atau di kedai buku. Oleh itu, anak-anak boleh meminjam buku-buku itu dari perpustakaan awam. Jelaslah, ibu bapa perlu mengalakkan anak mereka membeli atau meminjam buku.

Di samping itu, ibu bapa boleh menarik minat membaca anak dengan langkah yang menarik. Contohnya, jika anak dapat menjawab soalan dengan betul, ibu bapa boleh membeli hadiah kepada anak. Hal ini akan meningkatkan keinginan anak untuk membaca.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini. Selain peranan ibu bapa, semua masyarakat juga bertanggungjawab untuk mengatasi masalah kurang minat membaca. Oleh itu, marilah semua pihak memupuk tabiat suka membaca bermula hari ini untuk membina masyarakat yang berilmu.

Pihak sekolah anda telah mengadakan kutipan derma bagi tujuan membina sebuah bangunan baharu. Ceritakan pengalaman anda ketika mengutip derma.

Junior Dua
Sagu Hati
Chu Jing Her
J 2 Keberanian

Sekolah saya mempunyai sebuah bangunan yang tinggi dan sebuah bangunan yang lebih kecil dan lama. Hal ini telah membawa beberapa masalah untuk kami kerana bilangan murid sentiasa bertambah dan bilik darjah kami tidak mencukupi untuk semua murid. Jadi, sekolah saya ingin membina sebuah bangunan baharu yang lebih tinggi dan luas.

Pada hari Sabtu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan kutipan derma bagi tujuan membina bangunan yang baharu itu. Kelas kami telah pergi ke Petaling Jaya untuk menjalankan aktiviti tersebut. Pada pukul tujuh pagi, kami pun bertolak dari sekolah dengan menaiki bas. Selepas 30 minit, kami telah sampai di tempat tersebut lalu kami pun mula mengutip derma. Kawan sekumpulan dengan saya ialah kawan baik saya, Sydney.

Kami telah pergi ke restoran dan ke pasar untuk mengutip derma. Hampir semua penduduk di Petaling Jaya tidak mampu bercakap dalam bahasa Mandarin. Jadi, kami perlu menggunakan bahasa Inggeris untuk menjelaskan tujuan kami dan meminta derma daripada mereka. Saya sangat lemah dalam bahasa Inggeris. Walaupun saya tidak dapat menjelaskan tujuan saya dengan baik tetapi mereka masih boleh memahaminya.

Sebelum makan tengah hari, saya dan Sydney telah menemui sepasangan suami isteri yang istimewa. Apabila kami menjelaskan tujuan kami, suami itu telah memberikan seringgit kepada kami sebaliknya isterinya menyimpankan wang tersebut lalu memberi kami dua puluh ringgit. Kami berasa amat gembira dan asyik mengucapkan terima kasih

kepadanya. Saya hendaklah mempelajari sikap wanita yang murah hati itu.

Selepas makan tengah hari, kami telah berasa amat letih dan kurang mempunyai tenaga untuk berjalan lagi tetapi kami mesti menjadi seorang yang bertanggungjawab. Kami singgah di gerai untuk makan mi goreng sebelum meneruskan tugas kami. Jadi, kami terus mengutip derma daripada penduduk-penduduk di sana.

Pada pukul dua petang, bas telah tiba untuk membawa kami pulang ke sekolah. Selepas mengira wang yang kami kutip, kami telah mengutip sebanyak RM 370. Walaupun jumlah kutipan derma tidak seberangan namun kami sudah cuba dengan sedaya upaya.

Selepas itu, kami pun balik ke rumah masing-masing. Saya berasa amat gembira kerana dapat menyertai aktiviti ini yang sungguh berfaedah. Saya telah banyak mempelajari ilmu yang tidak dapat belajar di dalam buku teks seperti menjadi seorang yang murah hati, cara berkomunikasi dengan orang lain mestilah bersopan santun, berfikiran positif apabila menemui orang yang tidak baik dan sebagainya. Saya berharap agar mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti mengutip derma pada masa yang akan datang.

网络图片

Peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini.

Junior Dua
Sagu Hati
Thien Zhong Vei
J 2 Keberanian

Kebelakangan ini, minat membaca remaja semakin merosot dari semasa ke semasa. Hal ini telah menjadi topik yang hangat dibincangkan untuk menyelesaikan masalah minat membaca yang kronik. Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini?

Bak kata pepatah ‘melentur buluh, biarlah dari rebungnya’. Ibu bapa patut mendidik anak mereka untuk mengamalkan sikap membaca sejak kecil. Contohnya, apabila anak-anak telah menjadikan membaca sebagai hobi, hobi mereka tidak akan mudah berubah. Oleh itu, ibu bapa harus memupuk anak-anak untuk membaca sejak kecil. Hal ini merupakan cara yang berkesan untuk menggalakkan amalan membaca.

Selain itu, ibu bapa merupakan teladan kepada anak-anak untuk membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak biasanya mencontohi ibu bapa mereka. Anak-anak dapat meningkatkan minat membaca dengan mencontohi sikap ibu bapa yang suka membaca kerana bagaimana acuannya, begitulah kuihnya. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting kerana mereka merupakan contoh yang baik untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar.

Selanjutnya, ibu bapa boleh memberitahu anak-anak tentang kesan positif selepas mengamalkan minat membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar-pelajar lebih memahami kesan positif yang dibawa melalui amalan membaca. Contohnya, ibu bapa boleh memberitahu kepada anak-anak bahawa membaca jambatan ilmu agar

mereka lebih memahami bahawa membaca boleh meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar hari ini.

Di samping itu, ibu bapa patut lebih memahami kehendak pelajar dengan membeli buku yang sesuai untuk mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana buku yang bersesuaian dengan anak dapat meningkatkan minat mereka untuk terus membaca. Oleh itu, ibu bapa haruslah memilih buku yang sesuai untuk anak-anak mereka.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat. Ibu bapa juga tidak boleh sesekali mengabaikan harapan yang diberikan seperti kata pepatah harapkan pagar, pagar makan padi. Oleh itu, ibu bapa mestilah bertanggungjawab atas minat membaca dalam kalangan pelajar. Selain itu, pihak berkuasa juga memainkan peranan yang penting. Pihak berkuasa harus berganding bahu untuk meningkatkan sikap membaca pelajar seperti bersatu teguh, bercerai roboh. Marilah kita bersama-sama mengamalkan sikap membaca dalam kalangan pelajar.

网络图片

Peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini.

Junior Tiga
Johan
Than Ke Xin
J 3 Ketabahan

Pada era globalisasi ini, amalan membaca semakin dipinggirkan oleh masyarakat, terutamanya dalam kalangan pelajar. Membaca merupakan amalan yang mulia dan perlu disemai dalam jiwa setiap pelajar. Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini?

Bagi menyemai sikap membaca pelajar, ibu bapa perlulah menunjukkan peranan yang baik, bak kata pepatah, ‘bagaimana acuan, begitulah kuihnya’. Anak-anak akan mencontohi kelakuan ibu bapa. Jika ibu bapa selalu membaca di depan pelajar, maka lama-kelamaan, pelajar akan mula berminat untuk membaca.

Selain itu, ibu bapa boleh membeli bahan bacaan yang digemari oleh pelajar sebagai hadiah. Hal ini dikatakan demikian kerana jika pelajar berminat membaca buku tersebut, mereka akan lebih bersungguh-sungguh untuk membaca. Minat membaca mudah ditanam dalam diri pelajar dengan cara ini. Pelajar akan mengisi masa lapang mereka dengan menambahkan ilmu pengetahuan.

Bukan itu sahaja, ibu bapa juga wajar menyediakan sudut bacaan ataupun perpustakaan mini di rumah. Bahan bacaan yang bermutu tinggi lagi berkualiti dapat menarik perhatian para pelajar. Membaca bahan bacaan luar seperti novel, buku cerita dan komik juga dapat menimba ilmu pengetahuan pelajar. Pemilihan bahan bacaan yang sesuai amat penting bagi ibu bapa untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar juga ter-

masuklah membawa pelajar menyertai kempen membaca. Pada masa lapang, ibu bapa juga digalakkan menemani pelajar ke pameran atau ke karnival buku. Hal ini dikatakan demikian kerana jika pelajar berpeluang memilih buku yang diminati oleh mereka, mereka akan berasa lebih gembira dan berpuas hati semasa membacanya. Ibu bapa mesti menggalakkan dan mendorong pelajar banyak membaca.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk amalan membaca dalam diri pelajar. Pelajar haruslah banyak membaca supaya tidak menjadi katak di bawah tempurung. Ilmu membaca itu jambatan ilmu, pelajar kini merupakan tokoh negara pada masa depan. Marilah kita sama-sama membaca dan menjadi insan yang berilmu untuk mewujudkan generasi yang cemerlang, gemilang, dan terbilang.

Peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini.

Junior Tiga
Naib Johan
Pah Kian Seng
J 3 Kesopanan

Amalan membaca merupakan amalan yang penting dalam kalangan pelajar. Ibu bapa berperanan penting untuk memupuk minat kanak-kanak untuk membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak ibarat kain putih yang dicorakkan oleh ibu bapa.

Ibu bapa berperanan untuk membawa anak-anak ke perpustakaan awam pada hujung minggu supaya pelajar akan lebih gemar untuk membaca buku. Hal ini bukan sahaja dapat memupuk minat membaca malah dapat mengisi masa lapang pelajar tersebut. Ibu bapa juga boleh memperkenalkan buku yang berfaedah kepada anak-anak supaya mereka dapat membaca buku yang disukai dan berfaedah.

Selain itu, ibu bapa juga boleh mengadakan perpustakaan mini di sudut rumah. Pelajar dapat membaca buku di rumah dalam suasana yang senyap tanpa bunyi bising yang mengganggu mereka. Situasi perpustakaan mini tersebut haruslah sesuai dengan anak-anak supaya dapat membaca dengan selesa dan tenang.

Ibu bapa juga harus menunjukkan teladan dan contoh yang baik kepada anak-anak tersebut. Ibu bapa boleh membaca buku pada masa lapang supaya anak-anak mencontohi dan mengikuti perbuatan ibu bapa. Ibu bapa juga boleh membaca buku bersama dengan anak-anak. Dengan ini, ibu bapa dapat mengawasi serta mempengaruhi anak mereka memupuk amalan membaca. Seperti peribahasa “bagaimana acuan, begitulah kuihnya”, ibu bapa merupakan model anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa harus menunjukkan inisiatif membaca

supaya anak-anak akan memupuk minak untuk membaca.

Selain itu, ibu bapa juga boleh menghadiahkan buku sebagai hadiah semasa hari jadi atau semasa mereka mendapat keputusan yang cemerlang. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak akan menghargai buku tersebut dan membacanya kerana buku itu merupakan hadiah yang diberikan oleh ibu bapa. Ibu bapa boleh membawa anak mereka ke pameran buku pada masa cuti sekolah supaya anak dapat memilih buku yang sesuai untuk diri mereka. Ibu bapa juga boleh memilih buku kepada pelajar supaya mereka dapat membaca buku yang menarik serta berfaedah.

Konklusinya, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting kepada anak-anak mereka untuk membaca. Ibu bapa haruslah memupuk minat pelajar membaca semasa kecil kerana membaca bukan sahaja membawa banyak faedah malah membaca merupakan jambatan ilmu kita.



网络图片

Anda menyertai pertandingan syarahan pada peringkat daerah. Tajuk syarahan yang ditetapkan ialah “Penjagaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.” Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.

Junior Tiga
Tempat ketiga
Chen Bo Yuan
J 3 Keberanian

Selamat sejahtera Tuan Pengerusi Majlis, para hakim, Pengetua, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Hari ini saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk “ Penjagaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.

Hadirin sekalian,

Baru-baru ini, masalah pencemaran alam sekitar menjadi semakin serius. Hal ini dikatakan demikian kerana masalah pencemaran alam sekitar sering terpapar di dada akhbar. Persoalannya, bagaimanakah kita boleh menjaga alam sekitar?

Antara langkah menjaga alam sekitar ialah ibu bapa mestilah berperanan untuk memastikan kebersihan alam sekitar sentiasa terjamin. Ibu bapa haruslah menunjukkan teladan yang positif seperti kata pepatah ‘bapa borek, anak rintik’ yang bermaksud anak-anak akan mengikut apa-apa yang dilakukan oleh ibu bapa. Seterusnya anak-anak juga digalakkan untuk membersihkan sampah sarap sejak mereka kecil. Oleh itu, masalah penyakit berbahaya seperti deman denggi juga dapat dielakkan.

Selain itu, pihak sekolah juga memainkan peranan yang amat penting untuk memupuk nilai kebersihan dalam diri pelajar. Pelbagai program kebersihan dapat dijalankan dalam pembelajaran dan pengajaran secara langsung atau tidak langsung. Kempen-kempen yang berkaitan dengan kebersihan alam sekitar juga perlu diadakan. Aktiviti menanam pokok dan menghijaukan alam sekitar juga boleh dijalankan.

Di samping itu, media massa seperti radio, televisyen dan suratkhabar merupakan peranan

yang penting dan cukup besar bagi memupuk kesedaran. Media massa harus menyiarkan lebih banyak program yang berkaitan dengan kebersihan alam sekitar dan cara untuk menjaganya. Media massa juga hendaklah mengadakan pertandingan, forum, kuiz, dan sebagainya dengan bertemakan alam sekitar. Oleh itu, cara tersebut dapat menimbulkan kesedaran para penonton dan pembaca.

Seterusnya, kerajaan haruslah menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan isu alam sekitar. Sebagai contoh, kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat. Namun, masih terdapat segelintir rakyat yang tidak takut akan tindakan kerajaan. Oleh itu, kerajaan boleh menggubal akta yang baharu dengan lebih tegas untuk melestarikan alam sekitar di negara kita.

Bukan itu sahaja, masyarakat dan kita sendiri juga haruslah bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan alam sekitar. Contohnya, ketua kampung harus mengadakan aktiviti masyarakat seperti bergotong-royong dua kali setahun supaya kawasan kampung sentiasa dalam keadaan bersih dan cantik. Penduduk haruslah sentiasa memerhatikan dan menjaga kebersihan alam sekitar seperti mengutip sampah sarap di tepi jalan raya lalu membuang ke dalam tong sampah.

Kesimpulannya, kita mestilah bekerjasama dengan kerajaan dan memainkan tanggungjawab masing-masing. Kerjasama yang erat antara masyarakat dengan kerajaan tentu lebih bermakna. Sinonim dengan slogan negara “Negara bersih, rakyat sihat”. Rakyat harus memainkan peranan penting untuk menjaga kebersihan alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Anda menyertai pertandingan syarahan pada peringkat daerah. Tajuk syarahan yang ditetapkan ialah “Penjagaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.” Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.

Junior Tiga
Sagu hati
Wu Sze Jiet
J 3 Keberanian

Selamat sejahtera Tuan Pengerusi Majlis, para hakim, Pengetua, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Hari ini saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk “ Penjagaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Alam sekitar merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia, tidak mengira bangsa, agama, dan negara. Alam sekitar termasuklah sungai, udara, laut dan sebagainya. Dewasa ini, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah mencemarkan alam sekitar dengan membuang sampah ke sungai, menggunakan bahan toksik yang mencemarkan alam sekitar dan sebagainya.

Hadirin sekalian,

Penjagaan alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama. Oleh itu, kita haruslah mengambil tindakan untuk mengatasi pencemaran alam sekitar. Pertama sekali, kita boleh mengadakan kempen atau aktiviti yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Contohnya, kita boleh mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan atau sekolah. Kita boleh membersihkan tin-tin atau pasu yang berisi air untuk mengelakkan pembiakan nyamuk. Seterusnya, mengadakan kempen juga dapat menjaga alam sekitar dengan mendedahkan masyarakat tentang kesan buruk pencemaran alam sekitar.

Selain itu, kita juga dapat menjaga alam sekitar melalui pendedahan media massa seperti radio, televisyen, suratkhabar, dan sebagainya. Kita harus menggunakan media massa kerana media massa memainkan peranan yang penting

dalam membentuk cara pemikiran semua pengguna. Wartawan dan penulis boleh menulis maklumat tentang cara menjaga alam sekitar dalam surat khabar atau media massa yang lain.

Selanjutnya, penjagaan alam sekitar juga tanggungjawab pihak-pihak berkuasa dan kerajaan. Pihak berkuasa haruslah menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat. Mereka juga haruslah memberitahu masyarakat tentang maklumat menjaga kebersihan alam sekitar. Selain itu, kerajaan juga haruslah mengetatkan undang-undang untuk mengelakkan mereka membuat perkara yang mencemarkan alam sekitar. Pihak berkuasa boleh memberi amaran dengan mendenda sesiapa yang mencemarkan alam sekitar. Melalui cara ini, masyarakat dapat mengenal pasti kesalahan diri dan menjaga kebersihan alam sekitar.

Akhirnya, kilang-kilang juga haruslah menjalankan tanggungjawab menjaga alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan kilang telah dibina di tepi sungai. Sisa-sisa toksik yang dikeluarkan dari kilang akan mengalir ke sungai. Tindakan ini akan menyebabkan kematian flora dan fauna yang terdapat di dalam sungai. Asap-asap yang dikeluarkan dari kilang juga akan mencemarkan udara. Oleh itu, kilang-kilang haruslah dibina di tempat yang jauh dari sungai dan dari bandar. Mereka juga boleh menggunakan bahan-bahan yang dapat dikitar semula untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

Kesimpulannya, penjagaan alam sekitar merupakan tanggungjawab semua orang termasuk kerajaan, wartawan, pihak sekolah, dan sebagainya. Terdapat banyak cara untuk menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar. Oleh itu, masyarakat haruslah bekerjasama mengatasi masalah ini untuk hidup dengan lebih selesa.

Peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini.

Junior Tiga
Sagu Hati
Lim Ee Onn
J 3 Ketabahan

Pada zaman sekarang, pihak kerajaan sentiasa menggalakkan para pelajar membaca buku supaya mereka tidak akan menjadi “katak di bawah tempurung”. Namun begitu, minat membaca dalam kalangan pelajar semakin merosot dari semasa ke semasa kerana mereka berasa bosan apabila membaca buku. Kesannya, mereka kerap menghabiskan masa senggang untuk melayari internet dan menonton rancangan televisyen daripada membaca buku. Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini?

Antara peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar hari ini termasuklah menunjukkan teladan kepada anak-anak mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar akan mencontohi ibu bapa mereka. Sekiranya ibu bapa membaca surat khabar, majalah dan bahan bacaan yang lain di rumah untuk mengisi masa lapang, pelajar itu juga akan membaca buku. Oleh itu, teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka adalah sangat penting.

Selain itu, ibu bapa juga perlu membeli buku yang bermutu tinggi dan sesuai kepada anak-anak mereka untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah pelajar tidak akan membaca buku yang tidak disukai oleh mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu membeli buku yang lebih sesuai kepada anak-anak mereka. Contohnya, ibu bapa boleh membeli buku yang menarik di kedai buku seperti Kedai Buku Popular. Jadi, pelajar akan membaca buku yang disukai oleh mereka dan budaya membaca dapat

dipupuk.

Seterusnya, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka tentang kepentingan membaca sejak kecil lagi. Apabila mereka menyedari kepentingan membaca, mereka tidak akan menghabiskan masa lapang di kafe siber dan melepak di pusat beli-belah. Mereka akan membaca buku untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, didikan kepada anak-anak merupakan salah satu peranan penting yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, ibu bapa juga boleh mewujudkan perpustakaan mini di rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak mereka akan membaca di sana kerana perpustakaan mini bertempat di rumah. Ibu bapa juga boleh membeli buku-buku yang berkualiti kepada anak-anak mereka. Kesannya, mereka dapat mewujudkan suasana yang selesa untuk membaca.

Kesimpulannya, terdapat beberapa peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar. Mereka perlu bekerjasama dengan pihak sekolah bagai aur dengan tebing untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar supaya pelajar-pelajar dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kerana pelajar-pelajar ialah tonggak negara kita pada masa depan.



网络图片

Cara-Cara untuk Mengurangkan Kadar Kemalangan Jalan Raya

Senoir Satu
Johan
Kua Pei Xin
S 1 Kesederhanaan

Pada hari ini, tidak dapat dinafikan saban tahun kemalangan jalan raya semakin meningkat dari hari ke hari. Berita kemalangan jalan raya yang dipaparkan di kaca televisyen mahupun di dada-dada akhbar kebanyakannya telah menyebabkan kehilangan nyawa manusia. Oleh itu, sebelum perkara yang tidak diingini berlaku, kita haruslah mengambil langkah yang lebih efektif untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang boleh meragut nyawa. Persoalannya, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya?

Langkah pertama yang perlu dititikberatkan adalah sikap pemandu itu sendiri. Pemandu atau pengguna jalan raya perlu mengubah sikap mementingkan diri dan tidak sabar ketika di jalan raya. Sebaliknya, pemandu harus memandu dengan cermat dan sentiasa berwaspada dengan kenderaan di sekeliling. Di samping itu, peraturan jalan raya yang telah dtetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) perlu dipatuhi bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya selamat dan terjamin.

Selain itu, langkah yang kedua ialah pihak kerajaan haruslah membina satu sistem jalan raya yang selamat untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan mempunyai peruntukan untuk membina jalan raya yang lebih selamat kepada pengguna jalan raya. Pada masa yang sama, pihak terbabit haruslah memantau jalan-jalan raya yang sudah rosak untuk dibaiki agar pengguna dapat menggunakan jalan raya

dengan lebih selesa dan selamat. Pemasangan kamera perangkap kelajuan di tempat-tempat yang strategik secara menyeluruh juga dapat mengawasi kelajuan kenderaan pengguna jalan raya. Dengan tindakan proaktif sebegini, maka kes kemalangan jalan raya dapat dikurangkan.

Di samping itu, penguatkuasaan undang -undang haruslah dilaksanakan dengan tegas dan telus. Peraturan-peraturan jalan raya harus dikaji semula dan ditambah baik agar keselamatan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara. Contohnya, sekatan jalan raya haruslah giat dijalankan secara berkala bukan sahaja ketika musim-musim perayaan, malah pada setiap waktu. Bukan itu sahaja, hukuman bagi pemandu yang melanggar peraturan haruslah lebih berat. Maka di sini, peranan yang dimainkan oleh pihak berkuasa amat penting untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Seterusnya, sokongan daripada pihak media seperti media cetak dan media eletronik memainkan peranan yang penting untuk menghebahkan kepentingan mematuhi peraturan jalan raya. Hebahan tentang kempen-kempen kesedaran berkaitan dengan keselamatan jalan raya perlu diperluaskan bukan sahaja untuk orang awam, malah bermula dari peringkat sekolah dan seterusnya universiti. Dalam hal ini. pihak media dapat memberikan informasi yang berguna kepada pengguna jalan raya. Sebagai contoh, hebahan melalui slot-slot keselamatan jalan raya bagi setiap stesen radio, televisyen dan akhbar secara tidak langsung dapat mengingatkan pengguna jalan raya supaya berwaspada di jalan raya.

Bukan itu sahaja, keadaan jalan raya yang telah rosak perlulah dinaik taraf bagi membantu pengguna jalan raya menggunakan jalan raya dengan selamat. Sebagai contoh, jalan-jalan yang berlubang, sempit dan tidak rata sudah pasti akan mengundang masalah kepada pemandu. Tambahan lagi, keadaan-keadaan yang amat membahay-

akan pengguna jalan raya jika lampu-lampu jalan tidak berfungsi pada waktu malam. Oleh itu, pihak berkuasa hendaklah membaik pulih jalan raya untuk menangani risiko kemalangan jalan raya.

Kesimpulannya, segala usaha untuk menangani kemalangan jalan raya ini perlulah dijalankan secara berterusan dan istiqamah bukan sekadar melepaskan batuk di tangga atau pun sekadar hangat-hangat tahi ayam sahaja. Semua lapisan masyarakat haruslah berganding bahu untuk mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya kerana pepatah menyatakan muafakat membawa berkat. Sebelum kudis menjadi pekung, biarlah masalah ini diatasi kerana mencegah itu lebih baik daripada merawat. Slogan “Pandu Cermat, Jiwa Selamat” haruslah dijadikan pedoman kepada semua pengguna jalan raya agar keselamatan mereka terjamin.

网络图片

Cara-Cara untuk Mengurangkan Kadar Kemalangan Jalan Raya

Senoir Satu
Naib Johan
Chee Qin
S 1 Kesederhanaan

Kebelakangan ini, kes-kes kemalangan jalan raya semakin meningkat dari sehari ke sehari. Berita tentang kes kemalangan jalan raya sering dipaparkan di kaca-kaca televisyen dan dada akhbar. Kes kemalangan yang telah meragut nyawa pengguna jalan raya semakin membimbangkan semua pihak. Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah yang semakin serius ini. Namun, persoalannya ialah, apakah cara-cara untuk menangani kadar kemalangan jalan raya yang semakin membimbangkan ini?

Salah satu cara yang dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ialah setiap pengguna jalan raya haruslah bertanggungjawab kepada diri sendiri serta pengguna jalan raya yang lain ketika berada di jalan raya. Pengguna jalan raya hendaklah mempunyai sahsiah yang tinggi seperti tidak mementingkan diri, bersabar dan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pemandu wajarlah memandu tidak melebihi had laju. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya pengguna berhati-hati dan tidak memecut pada kadar kelajuan yang tinggi, maka perjalanan untuk sampai ke destinasi akan lebih selamat bak kata pepatah, ‘biar lambat asal selamat’.

Selain itu, pemandu juga mestilah menyelenggara kenderaan masing-masing dengan mengikuti jadual yang telah ditetapkan. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya kenderaan tidak diselenggarakan dalam keadaan yang baik maka peratusan mendapat kemalangan yang mengundang keselamatan pengguna jalan raya

yang lain amat tinggi. Sebagai contoh, brek yang tidak dapat berfungsi dengan baik akan menyebabkan pemandu sukar mengawal kenderaan ketika kecemasan. Tambahan lagi, pemandu juga boleh terbabas sekiranya tidak dapat mengawal brek dengan baik. Oleh itu, setiap pengguna jalan raya mestilah memeriksa kenderaan sebelum memulakan perjalanan agar perkara yang tidak diingini tidak berlaku, bak kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'.

Di samping itu, tindakan segera dalam membaik pulih keadaan struktur jalan raya harus dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana jalan raya yang berlubang-lubang, sempit, dan tidak rata boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya. Contohnya, jalan raya yang tidak diturap dengan baik boleh mengakibatkan pemandu terbabas. Oleh itu, pihak berwajib hendaklah memantau keadaan jalan raya untuk mengatasi masalah ini.

Bukan itu sahaja, pihak kerajaan memainkan peranan yang sangat penting. Pihak kerajaan hendaklah menguatkuasakan undang-undang jalan raya dengan lebih tegas. Kadar bayaran denda atau saman mestilah lebih tinggi perlu dikenakan kepada pengguna jalan raya yang telah melanggar peraturan jalan raya seperti melanggar lampu isyarat, menggunakan telefon bimbit ketika memandu, tidak mempunyai lesen dan sebagainya sebagai peringatan kepada mereka. Sekiranya kesalahan yang dilakukan secara berulang, maka pihak berwajib boleh mendakwa pemandu yang tidak bertanggungjawab ini di mahkamah untuk dijadikan sebagai pengajaran kepada mereka.

Tambahan lagi, kerajaan juga boleh menganjurkan kempen-kempen keselamatan jalan raya secara berterusan. Contohnya, pihak kerajaan boleh mengadakan ceramah kesedaran tentang kepentingan menjaga keselamatan diri ketika be-

rada di jalan raya. Kempen-kempen tersebut dapat memberi kesedaran dan peringatan tentang betapa pentingnya untuk menjaga keselamatan diri ketika di jalan raya kepada masyarakat. Oleh itu, penganjuran kempen sebegini akan membantu meningkatkan kesedaran pengguna berkaitan dengan kepentingan keselamatan jalan raya kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati dan tidak bersikap terburu-buru ketika memandu.

Seterusnya, media massa juga mestilah memainkan peranan dalam membantu membuat hebahan tentang kepentingan mematuhi peraturan jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana pada era globalisasi ini, masyarakat lebih banyak menghabiskan masa di hadapan komputer, telefon bimbit dan televisyen. Media massa haruslah sering menyiarkan iklan-iklan dan program tentang kepentingan menjaga keselamatan ketika berada di jalan raya. Oleh hal yang demikian, peranan yang dimainkan oleh media massa dapat memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya untuk mereka lebih berwaspada dan dapat mempengaruhi mereka untuk sentiasa mematuhi peraturan jalan raya agar risiko kemalangan jalan raya dapat dikurangkan.

Kesimpulannya, kemalangan jalan raya boleh meragut nyawa manusia dan juga mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain. Oleh hal yang demikian, melalui langkah-langkah yang efisien dapat diterapkan dalam diri setiap pengguna dan pihak berwajib, maka kadar berlakunya kemalangan jalan raya boleh dikurangkan sedikit demi sedikit. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama dan berganding bahu bak kata pepatah, ‘bagai aur dengan tebing’ untuk mengelakkan dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

网络图片

Cara-Cara untuk Mengurangkan Kadar Kemalangan Jalan Raya

Senoir Satu
Tempat Ketiga
Fong Xiao Zhen
S 1 Kesederhanaan

Kebelakangan ini, isu kemalangan jalan raya semakin meruncing. Setiap hari sama ada di dada-dada akhbar, di kaca televisyen mahupun di corong-corong radio pasti memaparkan berita kemalangan jalan raya yang telah meragut nyawa manusia. Persoalannya, apakah cara-cara untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya ini?

Antara cara untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya termasuklah sikap pemandu itu sendiri. Peratusan tinggi berlakunya kes kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap pemandu yang cuai dan tidak sabar. Sebagai contohnya, pemandu yang tidak bertanggungjawab

menggunakan telefon bimbit semasa memandu di jalan raya, tidak mempunyai lesen dan sebagainya. Perbuatan ini akan mengakibatkan pemandu hilang fokus ketika memandu yang bukan sahaja akan mempertaruhkan nyawa sendiri, bahkan nyawa pengguna jalan raya yang lain juga. Tegasnya, didikan yang lebih disiplin dan mengambil langkah berwaspada perlu kepada pemandu agar semua pengguna jalan raya dapat menggunakan jalan raya dengan selamat.

Selain itu, keadaan kenderaan juga mempengaruhi kadar kemalangan jalan raya. Pemandu seharusnya memeriksa dan memastikan kereta berada dalam keadaan yang baik. Sebagai contoh, sebelum memulakan perjalanan, pastikan minyak hitam, brek, lampu dan lain-lain berfungsi dalam keadaan yang baik. Tambahan pula, kereta mesti diselenggarakan mengikut waktu yang telah ditetapkan supaya kereta dapat berfungsi dengan baik. Langkah berjaga-jaga ini adalah demi memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan penumpang berada dalam keadaaan yang selamat.

Di samping itu, pihak sekolah memainkan peranan yang penting. Pihak sekolah wajarlah menganjurkan ceramah atau kempen kesedaran tentang kemalangan jalan raya demi menanam kesedaran kepada pelajar-pelajar. Selain itu, pihak sekolah boleh mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya memasukkan silibus kemalangan jalan raya ke dalam sistem pendidikan. Bak kata pepatah, ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Didikan sejak kecil merupakan cara-cara yang lebih berkesan untuk membantu pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Bukan itu sahaja, penguatkuasaan undang-undang yang tegas patut dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Misalnya, sekatan jalan raya mesti dijalankan dengan lebih kerap dan berterusan terutamanya

ketika di musim perayaan dan juga waktu-waktu puncak. Kerajaan hendaklah mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah kerana denda atau saman yang ringan kepada pesalah tidak memberi kesan kepada mereka. Oleh itu, tindakan yang lebih tegas dan telus daripada pihak berkuasa kepada pesalah-pesalah di jalan raya akan membuatkan mereka lebih sedar tentang keselamatan jalan raya lantas dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Seterusnya, media massa turut memainkan peranan yang penting dalam isu kemalangan jalan raya ini. Pada era globalisasi ini, media massa mempunyai pengaruh yang besar dalam menyampaikan berita tentang kesedaran kes kemalangan jalan raya. Justeru, media massa wajarlah menguar-uarkan isu ini agar pengguna jalan raya lebih berhati-hati dan dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berganding bahu bagai aur dengan tebing supaya kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Hal ini kerana kita tidak mahu sudah terhantuk baru tengadah. Oleh itu, isu keselamatan dan kemalangan jalan raya ini perlu dipandang lebih serius khususnya pihak berkuasa dan seluruh pengguna jalan raya untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya, kemalangan yang meragut nyawa orang ramai.



网络图片

Cara-Cara untuk Mengurangkan Kadar Kemalangan Jalan Raya

Senoir Satu
Sagu Hati
Bay Jing Ting
S 1 Rasional

Kebelakangan ini, berita kemalangan di jalan raya sering dipaparkan di dada-dada akhbar. Kes kemalangan jalan raya di negara kita berada pada tahap yang meruncingkan. Kadar kemalangan di jalan raya telah meningkat berbanding pada tahun lepas sempena musim perayaan. Hal ini telah menjadi buah mulut setiap lapisan masyarakat yang sentiasa peka kepada isu kemalangan jalan raya. Walaupun pihak polis telah mengambil langkah proaktif sebelum tibanya musimnya perayaan, namun langkah ini masih tidak mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia. Persoalannya, apakah cara-cara untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya?

Antara cara untuk mengurangkan kadar ke-

网络图片

malangan di jalan raya termasuklah membaik pulih struktur jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana jalan raya yang berlubang akan mengundang bahaya kepada semua pengguna jalan raya. Contohnya, jika jalan raya tidak berada dalam keadaan yang baik, pemandu tidak sempat untuk mengelak lubang-lubang di jalan raya, terutamanya pada waktu malam atau pada musim hujan. Oleh itu, pihak berkuasa perlulah melakukan pemeriksaan terhadap keadaan jalan raya agar dalam keadaan yang baik demi keselamatan pengguna jalan raya.

Selain itu, pendidikan keselamatan jalan raya memainkan peranan yang penting dalam membantu mengurangkan risiko kemalangan jalan raya. Hal ini berlaku kerana didikan yang diberikan kepada pemandu akan membantu mereka lebih memahami tanggungjawab sebagai pengguna jalan raya yang berhemah. Contohnya, apabila mereka sedang memandu, mereka akan sentiasa berwaspada dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu, memakai tali pinggang keledar dan sebagainya. Oleh itu,

pendidikan keselamatan jalan raya yang diberikan kepada pemandu jalan raya akan dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Di samping itu, penguatkuasaan undang-undang juga merupakan salah satu cara untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana pemandu akan lebih takut jika dikenakan denda atau dipenjarakan jika mereka melanggar peraturan di jalan raya. Contohnya, hukuman yang berat ini secara langsung dapat memberikan pengajaran dan amaran kepada mereka supaya tidak melanggar peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Oleh itu, pihak berkuasa mestilah menguatkuasakan undang-undang ini lebih cepat untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

Bukan itu sahaja, dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran kemalangan jalan raya juga dapat memupuk sikap prihatin dalam diri setiap masyarakat tentang kepentingan mematuhi peraturan jalan raya. Kempen ini dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang bahaya yang akan datang kepada mereka sekiranya mereka cuai ketika memandu. Contohnya, jika pemandu tidak mematuhi peraturan had laju yang telah ditetapkan, maka risiko mendapat kemalangan sangat tinggi. Oleh itu, pihak berkuasa perlu menganjurkan kempen sebegini untuk meningkatkan kefahaman para pengguna jalan raya.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Semua pihak haruslah berganding bahu dalam menangani kes kemalangan jalan raya ini. Pihak berkuasa juga harus melaksanakan beberapa polisi yang sesuai untuk membantu usaha ini tercapai. Peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh setiap masyakat akan memberikan impak yang positif untuk mengurangkan kes kemalangan ini.

Cara-Cara untuk Mengurangkan Kadar Kemalangan Jalan Raya

Senoir Satu
Sagu Hati
Gua Jing Enn
S 1 Rasional

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemalangan jalan raya sering terpapar dalam media massa seperti media cetak dan media elektronik. Masalah ini semakin parah dan sukar dibendung di negara kita. Permasalahan ini hangat dibincangkan oleh rakyat Malaysia dan telah menjadi buah mulut rakyat Malaysia. Namun begitu, isu kemalangan ini masih tidak dapat ditangani sepenuhnya dan menjadi kebimbangan rakyat setiap hari. Persoalannya, apakah cara-cara untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia?

Langkah pertama untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ialah pemandu harus bersikap positif. Sikap pemandu yang berhemah dan sentiasa mematuhi peraturan jalan raya dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Hal ini berlaku kerana pemandu yang tidak bertanggungjawab akan melanggar peraturan jalan raya bukan sahaja membahayakan nyawa sendiri bahkan juga membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Oleh itu, para pemandu perlulah membaiki sikap masing-masing seperti memakai tali pinggang keledar, tidak melanggar lampu isyarat merah dan menjadi pemandu yang cermat bak kata pepatah, 'biar lambat asalkan selamat.'

Selain itu, langkah kedua adalah daripada pihak berkuasa. Pihak berkuasa hendaklah menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas dan telus. Hal ini terjadi sekiranya pihak berkuasa tidak melaksanakan undang-undang yang lebih tegas, pemandu-pemandu yang tidak bertanggungjawab itu akan mengabaikan keselamatan di jalan raya. Denda dan saman yang dikenakan perlulah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka untuk dijadikan peringatan dan amaran agar semua pengguna jalan raya lebih berhati-hati dan berwaspada ketika berada di jalan raya. Oleh itu, langkah yang efektif ini secara langsung dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

Di samping itu, pihak kerajaan juga boleh menganjurkan kempen kesedaran kepada masyarakat, iaitu bermula dari pelajar sekolah sehinggalah kepada masyarakat yang menjadi pemandu dan pengguna jalan raya. Kempen ini dapat memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya untuk menghormati pengguna jalan raya yang lain dan kepentingan menghargai nyawa yang dianugerahkan Tuhan kepada kita. Kempen ini bukan sahaja melalui ceramah di dewan-dewan serba guna atau dewan sekolah, malah kempen dan ceramah kesedaran ini boleh dilakukan di tempat-

tempat awam seperti pusat beli-belah. Kempen ini dapat membantu para pengguna jalan raya untuk sentiasa berwaspada agar keselamatan mereka di jalan raya terjamin. Oleh itu, kempen ini perlulah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan bukannya seperti melepaskan batuk di tangga.

Langkah terakhir yang boleh dilakukan oleh para pengguna jalan raya adalah dengan sentiasa mengingati keluarga tersayang. Keluarga memainkan peranan yang penting bagi membantu para pemandu berhati-hati ketika memandu. Nasihat dan peringatan yang diberikan oleh ahli keluarga menjadi pemangkin kepada pengguna jalan raya untuk menjadi pemandu yang bertanggungjawab dan berhemah. Oleh hal yang demikian, ibu bapa memandu dengan berhati-hati, anak-anak turut mengikut sikap ibu bapa mereka kerana bagaimana acuan, begitulah kuihnya.

Kesimpulannya, kesemua langkah yang dinyatakan di atas merupakan usaha yang dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya di Malaysia. Sebagai warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab, kita harus bekerjasama bak kata pepatah ‘bagai aur dengan tebing’ bagi mengatasi kemalangan jalan raya ini. Oleh itu, kita perlulah bersama-sama memahami dan menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan ini sebelum nasi menjadi bubur. Semua pengguna jalan raya harus menyahut seruan kerajaan ini dengan sentiasa berhati-hati dan berwaspada di jalan raya.

Kepentingan Memupuk Amalan Membaca Dalam Kalangan Pembaca

Senoir Dua
Johan
Hoh Zi Qing
S 2 Kesederhanaan

Membaca merupakan jambatan ilmu. Buku merupakan universiti terbuka yang menyediakan peluang yang besar kepada sesiapa sahaja untuk mendapat sebanyak mungkin ilmu yang dikehendaki. Namun begitu, hakikatnya ialah rakyat Malaysia hanya membaca satu halaman buku buat setahun sahaja menurut penyelidikan yang dikaji. Kenyataan ini menunjukkan rakyat Malaysia kurang berminat untuk membaca. Hal ini berpunca daripada masyarakat yang hidup dalam era modenisasi yang lebih berminat dengan produk elektronik, terutamanya telefon pintar. Mereka tidak sedar akan kepentingan amalan membaca adalah untuk masa hadapan. Persoalannya, apakah kepentingan memupuk amalan membaca dalam kalangan pembaca?

Amalan membaca merupakan pemangkin kejayaan. Hal ini dikatakan demikian kerana membaca dapat meningkatkan daya fikiran dan meluaskan ilmu pengetahuan kita. Membaca ialah kunci untuk membuka pintu dunia. Seseorang yang gemar membaca akan dapat mengetahui segala perkara yang berlaku di dalam dan di luar negara. Seseorang itu dapat berfikir dengan berlandaskan bukti yang rasional, nyata, dan kukuh berdasarkan informasi yang telah dibaca dalam pelbagai jenis bahan bacaannya. Daya pemikirannya dapat menjadi lebih luas dan akan membantu individu tersebut mencapai kejayaan. Jadi, amalan membaca merupakan aspek yang utama bagi meningkatkan daya pemikiran untuk mencapai kejayaan.

Selain itu, amalan membaca dapat memperkayakan khazanah ilmu kita. Setiap individu wajib

menuntut ilmu bermula dari peringkat sekolah rendah sehinggalah peringkat yang lebih tinggi untuk menimba ilmu pengetahuan. Apabila kita banyak membaca buku, secara tidak langsung kita dapat memperbaik teknik penulisan kita. Hal ini berlaku kerana, kita akan dapat meningkatkan kosa kata dan mengumpul sedikit demi sedikit ilmu pengetahuan ketika proses membaca, dan akhirnya dapat mengarang sebuah penulisan yang bagus dan berkualiti. Oleh itu, sudah terang lagi bersuluh, amalan membaca boleh menambahkan ilmu pengetahuan supaya kita tidak digelar katak di bawah tempurung.

Bukan itu sahaja, amalan membaca juga boleh dijadikan sebagai hobi yang dijalankan pada masa terluang. Membaca dapat mengurangkan tekanan dan bebanan hidup yang sering dipikul di bahu kita. Bahan bacaan yang lebih ringan, dapat membuatkan hidup kita lebih tenang dan lari daripada kesibukan bekerja. Misalnya, membaca buku-buku cerita yang berisi gambar atau lukisan yang berwarna-warni dapat menceriakan perasaan yang sedih atau kecewa. Dengan adanya buku, seseorang dapat memanfaatkan masa lapangnya dengan perkara yang berfaedah di samping menenangkan jiwa. Tegasnya, amalan membaca merupakan hobi yang dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah dan bermanfaat.

Tambahan lagi, amalan membaca turut menjadi aspek yang penting untuk memajukan negara. Sebuah negara yang maju dan canggih dalam pelbagai bidang itu lahir daripada golongan masyarakat yang berpendidikan tinggi. Dalam hal ini, membaca merupakan kaedah utama untuk melahirkan golongan cendekiawan atau para ilmuan yang dapat membangunkan negara kita. Ilmu pengetahuan harus diterapkan dalam diri individu dan seterusnya dipraktikkan dalam pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, sekiranya negara kita mempunyai masyarakat yang intelektual, negara ini

akan menjadi petunjuk seiring dengan perkembangan teknologi canggih kepada masyarakat dunia.

Intihanya, amalan membaca banyak mendatangkan faedah kepada semua lapisan masyarakat. Ilmu pengetahuan merupakan harta paling berharga yang diperoleh daripada membaca buku dan dapat memajukan masyarakat negara tersebut. Kita perlu berazam dan bertekad teguh untuk menjadikan amalan membaca sebagai unsur penting bagi mencapai Wawasan 2020. Janganlah kita hanya melepaskan batuk di tangga dan menyebabkan hasrat dan impian kita untuk melihat negara Malaysia menjadi sebuah negara maju hanya angan-angan Mat Jenin sahaja. Oleh itu, ayuhlah kita bersama-sama menggembleng tenaga bagai aur dengan tebing untuk mewujudkan masyarakat yang bersama-sama cinta akan ilmu agama supaya nama Malaysia dijulang di persada dunia. Kita perlu yakin pada diri sendiri kerana bak kata pepatah, ‘di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.’

网络图片

Peranan Ibu Bapa dalam Membina Keluarga yang Bahagia

Senoir Dua
Naib Johan
Loo Yen Ling
S 2 Rasional

Keluarga merupakan asas pembentukan masyarakat dan negara cemerlang. Keluarga juga merupakan wahana kebahagiaan dalam kehidupan seseorang. Rumah tangga yang bahagia dan ceria akan melahirkan warga yang memiliki ciri-ciri jiwa yang sihat, ceria, yakin akan kebolehan diri dan sebagainya. Oleh itu, setiap ahli keluarga perlulah bersedia untuk mewujudkan keluarga yang mantap dan harmoni dengan faham- memahami, hormat-menghormati serta bertolak ansur. Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam membina keluarga yang bahagia?

Ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan sebuah keluarga sakinah. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak. Contohnya, seorang ayah harus berinteraksi dengan bersopan dan lemah-lembut dengan isteri dan anak-anaknya. Ibu bapa juga hendaklah saling menghormati agar anak-anak dapat mengikuti teladan daripada mereka. Apabila melihat keharmonian kedua-dua orang tua mereka, maka anak-anak akan mencontohi sikap baik tersebut dan berinteraksi dengan sopan bersama ahli keluarga yang lain. Oleh itu, ibu bapa perlu menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak kerana bapa borek, anak rintik.

Selain itu, didikan agama dan moral yang sempurna perlu diberikan kepada anak-anak oleh ibu bapa. Ibu bapa perlu menekankan nilai-nilai murni dan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak agar mereka agar dapat menerapkan nilai dan akhlak yang baik dalam kehidupan bermasyarakat. Anak-anak akan bersopan santun dan

网络图片

menghormati orang tua mereka serta bekerjasama dengan adik-beradik yang lain, seperti bak kata pepatah, ‘hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah’. Tegasnya, didikan agama dan nilai moral perlu dititikberatkan dalam diri anak-anak untuk mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia.

Era modenisasi hari ini menuntut setiap individu untuk bersaing secara sihat. Maka, persaingan yang sengit ini akan membuatkan masyarakat berlumba-lumba mengejar harta dan bertambah sibuk untuk mencari nafkah bagi meningkatkan

taraf hidup keluarga masing-masing. Hal ini membuatkan anak-anak mendapat kurang kasih sayang kerana ibu bapa sibuk bekerja. Oleh itu, ibu bapa perlu meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak. Ibu bapa boleh menghabiskan masa bersama dengan anak-anak dengan bercuti, atau menjalankan aktiviti riadah supaya mereka dapat meluangkan masa bersama ibu bapa dan mendapat kasih sayang yang secukupnya. Sekiranya ibu bapa meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak, tidak mustahil untuk mewujudkan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia.

Tambahan lagi, peranan ibu bapa pula perlu memantau pergerakan anak-anak agar tidak terjebak dengan perkara-perkara yang negatif. Ibu bapa hendaklah mengadakan pemantauan yang rapi supaya anak-anak yang baru berumur setahun jagung, darah setampuk pinang tidak akan terjerumus dalam kancah negatif. Pengawasan yang rapi daripada ibu bapa bagi memastikan anak-anak tidak bergaul dengan remaja-remaja yang berkelakuan buruk amat penting demi memastikan mereka terpelihara daripada perkara-perkara yang negatif. Oleh itu, sekiranya anak-anak mendapat perhatian yang secukupnya daripada ibu bapa, maka anak-anak akan sentiasa menjaga air muka ibu bapa mereka dan tidak akan menconteng arang ke muka ahli keluarga. Warga yang rasional akan menjaga maruah keluarganya.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang mustahak dalam membina keluarga yang bahagia dan mantap. Keluarga yang harmoni dan ceria akan memberi kesan dalam pembentukan masyarakat dan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, pihak ibu bapa bukan sahaja berusaha bahkan semua pihak juga harus berganding bahu bersama-sama memberikan sokongan dalam melahirkan keluarga yang bahagia agar dapat membentuk masyarakat dan negara yang maju dan cemerlang.

Kepentingan Amalan Membaca Dipupuk dalam Kalangan Pembaca

Senoir Dua
Tempat Ketiga
Lim Yue Ming
S 2 Integriti

Pada era globalisasi ini, pendidikan merupakan satu keutamaan kepada semua lapisan masyarakat. Walaupun telah banyak usaha yang dilakukan oleh pihak berwajib untuk menggalakkan masyarakat membaca, namun peratusan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih lagi mengecewakan. Hakikatnya, membaca sebenarnya dapat membantu masyarakat untuk memajukan diri sendiri dan juga negara. Oleh itu, semua golongan masyarakat perlulah menanam minat membaca kerana membaca merupakan jambatan ilmu.

Tidak dapat dinafikan bahawa dengan membaca, seseorang itu dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana segala maklumat akan dapat diperoleh melalui pembacaan seperti isu semasa, pengetahuan am, dan banyak lagi. Terdapat banyak bahan bacaan di pasaran yang bermanfaat untuk menarik minat pembaca untuk membaca. Di sini, peranan ibu bapa adalah memberikan galakan kepada anak-anak untuk membaca dengan membeli banyak bahan bacaan yang menarik untuk mereka. Oleh itu, memupuk minat membaca dalam diri setiap masyarakat akan dapat melahirkan generasi yang berilmu kerana bangsa membaca ialah bangsa yang berjaya.

Selain itu, membaca juga dapat menambah perbendaharaan kata dalam meningkatkan kemahiran kita menerusi bidang penulisan khususnya. Dengan membaca pelbagai jenis bahan bacaan seperti novel, majalah, akhbar mahupun artikel secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang tertentu kerana kosa

kata yang baharu dapat kita peroleh. Malah, apabila seseorang dapat meningkatkan kosa kata, maka mereka akan dapat bertutur dan menulis dengan lebih baik. Hasilnya, mereka akan dapat menguasai sesuatu bahasa itu dengan baik.

Seterusnya, budaya membaca dapat membantu pelajar lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan membaca banyak bahan bacaan, maka pelajar akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam subjek yang dipelajarinya. Maklumat yang didapati seperti dalam subjek Geografi, Sejarah, Sains dan lain-lain memerlukan mereka membaca bahan bacaan yang pelbagai. Ilmu ini tidak boleh bergantung pada buku teks semata-mata. Oleh itu, dengan membaca pelbagai jenis bahan bacaan maka pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan keputusan mereka dalam peperiksaan.

Di samping itu, membaca juga boleh memenuhi masa senggang kita. Seperti yang kita maklumkan, masa yang berkualiti adalah apabila kita menggunakan masa itu dengan perkara yang berfaedah dan bermanfaat. Oleh itu, setiap masyarakat perlu menjadikan membaca ini suatu hobi. Menggunakan masa lapang dengan baik akan dapat membantu kita meningkatkan ilmu pengetahuan dan dapat berkongsi dengan masyarakat di luar. Sekiranya seseorang tidak mempunyai masa untuk membaca, mereka boleh mencuri masa dengan membaca ketika menunggu bas, atau memperuntukkan masa selama 20 minit sehari untuk membaca, walaupun hanya membaca surat khabar. Dengan ini, budaya membaca akan menjadi amalan kebiasaan rakyat Malaysia kelak.

Seterusnya, membaca juga boleh membantu memajukan negara. Lahirnya tokoh-tokoh yang berjaya dalam bidang tertentu adalah hasil daripada mereka yang suka membaca. Oleh itu, negara kita akan dapat membina kejayaan setanding dengan negara maju yang lain. Kemajuan dalam bi-

dang sains dan teknologi memerlukan masyarakat mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak fokus kepada satu bidang sahaja. Membaca bahan bacaan yang pelbagai juga boleh melahirkan masyarakat yang pintar dalam pelbagai bidang seperti sastera, perubatan, pendidikan dan banyak lagi. Oleh itu, secara tidak langsung, dengan memupuk budaya membaca kepada masyarakat, kita akan dapat membangunkan negara ke peringkat yang lebih cemerlang.

Kesimpulannya, terdapat banyak kepentingan untuk menerapkan budaya membaca dalam setiap golongan masyarakat. Peranan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak membaca bukan sahaja membantu anak-anak cemerlang dalam peperiksaan tetapi juga dapat melahirkan anak-anak yang mahir dalam bidang kepakaran mereka dan dapat mengharumkan nama negara. Ibu bapa harus memupuk amalan membaca sejak kecil lagi, bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah daripada rebungnya’, agar masyarakat hari ini tidak menyesal pada kemudian hari. Oleh itu, usaha untuk mempergiatkan amalan membaca ini perlulah dilakukan bersama-sama bagi memastikan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju tercapai.



网络图片

Peranan Ibu Bapa dalam Membina Keluarga yang Bahagia

Senoir Dua
Sagu Hati
Abu Hurairah
S 2 Kejujuran

Keluarga merupakan penentu kebahagiaan anak-anak. Keluarga yang bahagia juga merupakan pelengkap dalam kehidupan seseorang. Kebahagiaan berkeluarga sangat penting kepada anak-anak. Jika ibu bapa tidak berusaha mencipta kebahagiaan bersama-sama, maka anak-anak akan mencari kebahagiaan di luar lantas menyebabkan mereka hilang arah dan terjebak dengan perkara yang negatif. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membina sebuah keluarga yang harmoni.

Dalam hal ini, ibu bapa perlulah mencari masa untuk meluangkan masa bersama dengan anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa pada masa kini sibuk mencari rezeki sehinggakan mereka lupa untuk meluangkan masa bersama anak-anak. Perkara ini akan menyebabkan anak-anak keseorangan serta menyebabkan mereka rasa tidak disayangi. Oleh sebab itu, ibu bapa perlu mencari peluang untuk bercuti bersama anak-anak, berbual bersama anak-anak dan juga melakukan aktiviti yang berfaedah bersama anak-anak agar mereka sentiasa rasa disayangi dan hidup dalam sebuah keluarga yang bahagia.

Selain itu, ibu bapa perlu memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak. Hal ini terjadi kerana anak-anak memerlukan sokongan daripada ibu bapa dalam setiap perkara yang dilakukan oleh mereka, sama ada dari aspek pelajaran ataupun minat mereka. Sekiranya ibu bapa memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada anak-anak, maka anak-anak akan menjadi seorang yang patuh kepada ibu bapa. Secara tidak langsung, anak-anak akan berkelakuan baik dan menjaga maruah keluarga mereka. Sehubungan dengan itu, hubungan ini amat penting agar ibu bapa dan anak-anak dapat menjalin interaksi yang baik seperti ibu bapa dapat memahami minat anak-anak begitu juga sebaliknya yang perlu dilakukan oleh anak-anak. Maka, kasih sayang ini akan berterusan dan kehidupan dalam keluarga itu lebih bahagia dan harmoni.

Di samping itu, ibu bapa harus mengambil berat tentang keadaan ahli keluarga mereka. Sebagai contoh, sekiranya anak-anak mempunyai masalah, ataupun sakit, maka perhatian yang sepenuhnya daripada ibu bapa amat diperlukan oleh anak-anak. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga harus memantau pelajaran anak-anak supaya mereka tidak leka dengan perkara yang tidak berfaedah yang akan mengakibatkan masa depan

mereka terjejas. Oleh hal yang demikian, ibu bapa perlu sentiasa memberikan perhatian tentang pelajaran anak-anak agar anak-anak akan menjadi seorang yang berjaya mengikut minat dan kemahiran mereka.

Seterusnya, ibu bapa haruslah meluangkan masa bersama dengan anak-anak dengan melakukan aktiviti bersama-sama. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara anak dengan ibu bapa. Sebagai contoh, pada waktu cuti sekolah, ibu bapa boleh membawa anak-anak bercuti atau pulang ke kampung untuk meluangkan masa bersama-sama selepas sibuk menjalani kehidupan seharian. Dengan kata lain, aktiviti ini bukan sahaja untuk mengeratkan hubungan kemesraan antara ahli keluarga, bahkan juga dapat memupuk rasa kasih sayang dan membina sebuah keluarga yang bahagia.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membina sebuah keluarga yang bahagia. Keluarga yang bahagia dapat menjamin masa depan anak-anak untuk lebih bahagia dan aman damai. Sehubungan dengan itu, ibu bapa dan anak-anak perlulah bersama-sama untuk saling menyayangi antara satu sama lain agar ikatan kemesraan keluarga itu tidak terputus.

网络图片

Kepentingan Amalan Membaca Dipupuk dalam Kalangan Pembaca

Senoir Dua
Sagu Hati
Son Peng
S 2 Rasional

Pada era globalisasi dan moden ini, ciptaan sains dan teknologi lebih mendapat perhatian daripada masyarakat terutamanya golongan remaja. Pada hari ini, buku dipandang sebagai ciptaan lama dan tidak mendapat sambutan. Walaupun pelbagai pihak telah berusaha untuk mendorong rakyat Malaysia untuk membaca, namun usaha itu umpama hujan jatuh ke pasir. Walau bagaimanapun, amalan membaca tidak boleh dipandang ringan kerana membaca ialah jambatan ilmu. Persoalannya, apakah kepentingan amalan membaca dipupuk dalam kalangan pembaca?

Kepentingan utama amalan membaca adalah meluaskan pandangan dan ilmu pengetahuan seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana buku

网络图片

mempunyai pelbagai informasi yang boleh didapati seperti isu semasa, pengetahuan am, serta pengalaman. Pembaca boleh memandang dan mengenali dunia ini melalui pandangan dan pengalaman orang lain yang dikongsikan dalam buku yang diterbitnya. Jadi, tabiat membaca mestilah ditanam sejak kecil kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Oleh itu, amalan membaca mampu meluaskan pandangan dan meningkatkan ilmu pengetahuan pembaca.

Selain itu, kita boleh mengisi masa lapang dengan acara yang lebih bermanfaat dan berfaedah. ‘Masa ialah emas’ bermaksud kita tidak boleh membazirkan masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Kita seharusnya memenuhi masa yang terluang dengan membaca bahan bacaan yang membolehkan kita berfikir dengan lebih matang. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting untuk membantu anak-anak dalam memilih bahan bacaan yang sesuai untuk diperkenalkan kepada mereka dunia membaca kerana tak kenal maka tak cinta.

Bukan itu sahaja, bangsa yang membaca

ialah bangsa yang berjaya. Hal ini dikatakan kerana demikian kerana orang yang membaca akan dapat mengetahui pelbagai jenis ilmu pengetahuan dan dapat mengembangkan kemahiran mereka untuk mencipta kejayaan untuk diri sendiri dan negara. Mereka akan berusaha untuk menaikkan diri sendiri ke peringkat yang lebih tinggi agar tidak menjadi katak di bawah tempurung. Ibu bapa mestilah menjadi suri teladan kepada anak-anak gemar membaca supaya mereka juga minat untuk membaca. Oleh itu, peranan ibu bapa dalam membentuk akhlak murni anak-anak sangat penting untuk memastikan mereka dapat menggunakan masa yang terluang dengan perkara yang berfaedah seperti membaca.

Seterusnya, masyarakat yang membaca akan membantu membangunkan negara secara tidak langsung. Dalam hal ini, negara maju seperti Jepun telah menghasilkan tokoh-tokoh yang terkenal dalam pelbagai bidang, serta bangsa Jepun juga dikenali sebagai bangsa yang cinta akan membaca. Selain itu, membaca akan membantu pelajar untuk mendapat keputusan yang cemerlang, lantas dapat memberikan mereka peluang yang lebih luas untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading yang terkenal dan terkemuka seperti Universiti Cambridge, Universiti Beijing, Universiti Malaya dan sebagainya.

Kesimpulannya, tabiat membaca memberikan banyak manfaat kepada seseorang dan pembangunan negara khususnya. Semua pihak mestilah berganding bahu mendorong budaya membaca dalam dijadikan amalan seharian. Golongan pelajar khususnya harus memotivasikan diri sendiri untuk suka membaca kerana membaca akan memberikan mereka khazanah yang bernilai untuk membina sebuah kejayaan yang tinggi nilainya. Oleh itu, ingatlah slogan membaca ialah jambatan ilmu, agar kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dengan amalan membaca.

Punca dan Kesan Berlakunya Kemalangan Jalan Raya

Senoir Tiga
Johan
Yap Yun Jen
S 3 Rasional

Dewasa ini, isu kemalangan jalan raya sering dipaparkan di surat khabar. Masalah tersebut semakin serius dan amat menggusarkan seluruh rakyat Malaysia. Isu kemalangan jalan raya ini sudah menjadi duri dalam daging dalam kalangan rakyat. Namun begitu, masih terdapat kebanyakan masyarakat yang tidak menyedari bahawa kecelakaan ini akan memberikan impak yang besar kepada kemajuan negara. Persoalannya, apakah punca-punca dan kesan-kesan berlakunya kecelekaan ini?

Antara punca berlakunya kemalangan jalan raya termasuklah kecuaian yang dilakukan oleh pemandu jalan raya. Sikap pemandu yang acuh tidak acuh telah mengakibatkan peraturan kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat dari sehari ke sehari. Antara sikap kecuaian pemandu yang memandu dalam keadaan mengantuk, mabuk, tidak membuka lampu kenderaan apabila hujan dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu. Kecuaian tersebut akan mengakibatkan nyawa sendiri terkorban, malah boleh mengorbankan nyawa pengguna jalan raya yang lain. Oleh hal yang demikian, sikap pemandu merupakan punca kepada berlakunya kes kemalangan meningkat dari semasa ke semasa yang boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Di samping itu, kemalangan jalan raya juga berlaku berpunca daripada infrastruktur jalan raya yang berada dalam keadaan yang teruk. Jalan raya yang berlekuk-lekuk, berlubang dan lampu jalan yang tidak berfungsi dengan baik boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya yang teruk. Kese-

lamatan jalan raya ini perlu dipantau dengan lebih serius daripada pihak berkuasa untuk memastikan pengguna jalan raya dapat menggunakan jalan raya dengan selamat. Infrastruktur yang tidak elok ini akan menyebabkan pemandu hilang kawalan ketika memandu dan boleh memberi impak yang negatif kepada pengguna yang lain.



Seterusnya, kecelakaan di jalan raya juga disebabkan oleh keadaan kenderaan pemandu yang tidak diselenggarakan dengan baik. Sebahagian daripada pemilik kenderaan tidak membawa kereta mereka ke bengkel untuk diselenggarakan pada masa yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, pemilik kereta-kereta lama, bagi memerlukan penelitian yang lebih tinggi bagi memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan yang baik sebelum meneruskan perjalanan. Sebagai contoh, setiap pemandu perlulah memastikan brek berfungsi dengan baik, minyak hitam telah ditukar supaya perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku. Oleh hal yang demikian, setiap pengguna jalan raya mestilah memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan baik.

Di samping itu, kemalangan jalan raya ini memberikan kesan yang buruk kepada kita. Masalah yang paling besar apabila mengakibatkan kehilangan nyawa insan yang tersayang. Banyak orang yang tidak bersalah terkorban atas kecuaian yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini amat menyedihkan hati keluarga mangsa kemalangan kerana mereka kehilangan orang yang penting dalam hidup mereka. Bayangkan seorang anak yang hanya berumur lima tahun kehilangan ibu dan ayah kerana sikap pemandu lain yang tidak mematuhi peraturan jalan raya. Anak tersebut menjadi mangsa akibat daripada sikap pemandu yang tidak mengendahkan keselamatan jalan raya. Tragedi ini akan memberikan kesan yang berpanjangan kepada kehidupan anak tersebut. Oleh itu, kemalangan jalan raya ini boleh mengakibatkan seorang anak kehilangan ibu bapanya dan begitu juga sebaliknya.

Selain itu, tidak dinafikan bahawa kemalangan jalan raya akan menjejaskan imej negara kita. Kadar kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat dan menyebabkan pelancong dari luar negara beranggapan bahawa negara

Malaysia tidak selamat. Pandangan-pandangan negatif daripada mereka seperti sikap pemandu di Malaysia dan tindakan efektif yang tidak diambil kira oleh pihak berkuasa menyebabkan imej turut negara terjejas yang secara tidak langsung akan mempengaruhi kemajuan sektor pelancongan di negara kita. Tegasnya, kemalangan jalan raya menyebabkan pelancong asing tidak yakin akan keselamatan di negara kita.

Tambahan lagi, kemalangan jalan raya juga akan menyebabkan kemusnahan harta benda awam seperti lampu isyarat dan lampu jalan yang sering digunakan oleh pengguna jalan raya. Pihak berkuasa terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk membaik pulih infrastruktur-infrastuktur yang telah rosak. Jika infrasturktur ini tidak dibaiki, kemalangan jalan raya akan terus meningkat. Hal ini menyebabkan cukai-cukai yang dibayar oleh rakyat telah diperuntukkan untuk membaiki kemudahan awam yang telah dirosakkan. Jelaslah bahawa kemalangan ini telah menyebabkan perbelanjaan wang yang tinggi untuk membaiki harta benda awam akibat daripada kecelakaan tersebut.

Kesimpulannya, sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah berganding bahu seperti kata pepatah bagai aur dengan tebing untuk menangani isu kemalangan jalan raya ini. Kita haruslah menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan berhati-hati ketika berada di jalan raya. Dengan ini, negara kita akan lebih makmur dan terhindar daripada kemalangan jalan raya yang serius. Oleh hal yang demikian, dengan usaha dan kerjasama daripada semua pihak, maka negara kita berpotensi untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya sedikit demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Faktor-faktor dan Langkah-langkah untuk Menangani Masalah Disiplin Pelajar

Senoir Tiga
Naib Johan
Soo Jia Wei
S 3 Kesederhanaan

Selamat pagi kepada Tuan pengerusi majlis, para hakim yang bijaksana, pengetua, guru-guru seterusnya hadirin dan hadirat sekalian. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah “Faktor-faktor dan Langkah-langkah bagi Menangani Masalah Disiplin Pelajar”. Kebelakangan ini, masalah disiplin pelajar semakin berleluasa di negara kita. Hal ini menyebabkan pelajar telah terlibat dengan perkara-perkara yang negatif dan tingkah laku yang tidak bermoral seperti vandalisme, lumba haram, pencurian dan sebagainya. Masalah disiplin telah menjadi buah mulut seluruh lapisan masyarakat. Oleh hal yang demikian, terdapat banyak faktor dan langkah yang telah mendorong perkara ini terjadi.

Para hadirin yang dihormati,

Antara faktor yang mendorong berlakunya masalah ini adalah bermula daripada peranan ibu bapa. Remaja yang terlibat dalam masalah ini lazimnya berasa daripada keluarga yang bermasalah. Ibu bapa tidak dapat menjadi teladan yang baik kepada anak-anak sehinggalah anak-anak turut mengikut jejak mereka kerana bapa borek anak rintik. Ibu bapa pada masa kini juga terlalu sibuk dengan kerja dan mengejar kebendaan telah mengabaikan keperluan anak-anak. Justeru, anak-anak ini mencari peluang lain, iaitu dengan mencari hiburan di luar dan mula bergaul dengan rakan sebaya yang mempunyai latar belakang yang bermasalah.

Selain itu, masalah yang dihadapi oleh remaja pada hari ini disebabkan pengaruh rakan sebaya. Untuk memastikan mereka diterima oleh kumpulan tersebut, mereka akan bkelakuan rakan

sebaya mereka. Malah, remaja lebih banyak meluangkan masa bersama rakan sebaya mereka berbanding dengan ibu bapa di rumah. Faktor inilah yang menyebabkan remaja pada hari ini sudah pandai untuk berbohong dan ponteng sekolah demi memenuhi permintaan rakan sebaya mereka. Sikap negatif ini akan berterusan sekiranya tiada pemantauan daripada ibu bapa sendiri bagi memastikan anak mereka tidak terjebak dalam perkara-perkara negatif.

Hadirin sekalian,

Selain faktor ibu bapa dan rakan sebaya, peranan media massa juga memberikan kesan negatif kepada remaja. Hari ini, dunia teknologi telah membuatkan pelajar menjadi hamba kepada media teknologi. Hal ini bersangkutan dengan pautan-pautan daripada filem-filem ganas, lucah dan juga gambaran tentang gaya hidup bebas seorang remaja. Paparan sebegini menyebabkan remaja ingin terikut-ikut dengan lakonan yang ditonton oleh mereka di kaca televisyen mahupun di layar perak. Sehubungan dengan itu, pengaruh media massa ini membuatkan mereka menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah seperti melayari internet, mencari kenalan di facebook, twitter, youtube, dan sebagainya. Melalui pengaruh laman sosial ini, pelajar akan mempelajari perkara yang tidak berfaedah dan terpengaruh oleh bahasa-bahasa kesat yang digunakan oleh pengguna media sosial yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, secara tidak langsung, mereka akan mempelajari sikap atau tingkah laku yang buruk tersebut.

Untuk mengatasi masalah ini, ibu bapa haruslah memainkan peranan yang sangat penting. Ibu bapa harus menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak. Seterusnya, ibu bapa harus meluangkan masa dan prihatin terhadap anak-anak. Ibu bapa boleh meluangkan masa dengan melakukan aktiviti yang berfaedah seperti beriadah, bercuti,

dan bergotong-royong di rumah untuk mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga. Di samping itu, ibu bapa perlulah menerapkan pendidikan agama dan pendidikan moral kepada anak-anak bermula dari kecil kerana ‘melentur buluh biarlah daripada rebungnya’ agar mereka dapat memahami nilai-nilai murni yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka dengan masyarakat di luar kelak.

Para hadirin yang dikasihi,

Di samping itu, peranan pihak sekolah juga penting dalam menangani masalah ini. Pihak sekolah haruslah mengambil langkah yang efektif untuk mengawal tahap disiplin pelajar supaya sentiasa terkawal. Pihak sekolah boleh mengadakan kempen-kempen tentang keburukan laman web yang berunsur lucah untuk meningkatkan kesedaran pelajar. Kempen kesedaran ini penting agar tidak membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Penguatkuasaan disiplin juga perlu dijalankan dengan lebih tegas agar pelajar tidak berani untuk ponteng sekolah apatah lagi melakukan perkara yang melanggar peraturan sekolah.

Kesimpulannya, remaja merupakan aset negara pada masa akan datang. Oleh itu, semua pihak mestilah berganding bahu bak kata pepatah ‘bagai aur dengan tebing’ untuk membantu generasi muda pada hari ini menjadi generasi intelek dan dapat membantu membangunkan negara agar setanding dengan negara maju yang lain.

Punca dan Kesan Berlakunya Kemalangan Jalan Raya

Senoir Tiga
Tempat Ketiga
Hoh Ting Wei
S 3 Kesederhanaan

Dua dekad yang lalu, kemalangan jalan raya sempena musim perayaan merupakan senario yang sering menjadi perhatian masyarakat Malaysia. Menurut berita Utusan Online, kisah empat orang maut dan dua orang parah serta tiga orang yang mengalami cedera ringan apabila terlanggar sebuah lori treler yang terbabas lalu melanggar sebuah bas ekspres di Lebuh Raya Utara-Selatan dari arah dekat Kamunting, Perak. Namun begitu, situasi tersebut masih berlaku dan tidak diselesaikan bahkan semakin meningkat dari hari ke hari. Oleh itu, apakah punca-punca dan kesan-kesan berlakunya kecelakaan di jalan raya ini?

Antara punca tersebut termasuklah sikap pemandu yang cuai. Kecuaian yang dilakukan oleh pemandu yang tidak bertanggungjawab seperti menggunakan telefon bimbit ketika memandu dalam keadaan mengantuk telah mengakibatkan berlakunya kemalangan yang telah meragut nyawa pengguna jalan raya. Sekiranya pemandu mengamalkan sikap sebegini, maka akan lebih ramailah orang yang tidak bersalah turut menjadi mangsa kes kemalangan jalan raya. Oleh itu, sebagai pengguna jalan raya yang berhemah, setiap pemandu hendaklah bertanggungjawab terhadap penumpang mereka dan juga pengguna jalan raya yang lain agar perkara yang tidak diingini tidak berlaku.

Selain itu, faktor lain yang mengakibatkan kemalangan jalan raya ialah sikap pemandu yang tidak mengambil berat tentang keadaan kenderaan mereka. Keadaan kenderaan yang baik seperti brek dapat berfungsi, minyak hitam, lampu dan signal yang baik memainkan peranan yang pent-

ing sebelum meneruskan perjalanan. Sehubungan dengan itu, peranan yang perlu dimainkan oleh setiap pemandu amat penting untuk memastikan pengguna jalan raya yang lain turut selamat. Setiap pemilik kenderaan perlulah menghantar kenderaan mereka untuk diselenggarakan pada waktu yang telah ditetapkan agar keadaan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk meneruskan perjalanan.

Di samping itu, punca seterusnya ialah infrastuktur keadaan jalan raya yang tidak selamat untuk digunakan oleh pengguna jalan raya. Hal ini berlaku kerana jalan raya yang bengkang-bengkok, berlubang-lubang dan juga tidak rata akan mengakibatkan pengguna jalan raya berisiko untuk mengalami kemalangan jalan raya. Dalam hal ini, pihak berkuasa memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap jalan raya di seluruh negeri berada dalam keadaan yang baik. Usaha ini akan dapat membantu pengguna jalan raya untuk lebih berwaspada ketika memandu.

Bukan itu sahaja, punca lain berlakunya kemalangan ialah kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang memberikan peluang kepada pesalah jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana operasi yang dijalankan oleh pihak berwajib seperti Ops Sikap dan Ops Statik masih tidak mampu lagi memberikan perubahan yang efektif dalam membantu menyelesaikan masalah ini. Oleh itu, sikap pengguna jalan raya yang sentiasa memandang enteng kepentingan keselamatan jalan raya telah menyebabkan kadar kemalangan jalan raya terus meningkat dari tahun ke tahun.

Oleh itu, antara kesan yang dapat dilihat berkaitan dengan kemalangan jalan raya yang semakin serius ialah imej negara akan terjejas berikutan pelancong mungkin akan takut untuk melancong ke Malaysia kerana tahap keselamatan yang tidak terjamin. Selain itu, perkara ini menjejaskan sektor pelancongan yang membimbangkan kerana

bilangan yang melancong ke Malaysia semakin kurang.

Kesimpulannya, pihak berkuasa dan pihak berwajib perlulah mengambil langkah yang efektif untuk membantu menangani masalah ini dengan lebih berkesan. Masyarakat juga harus bekerjasama seperti kata pepatah, 'bagai aur dengan tebing' untuk menjadi pemandu dan pengguna jalan raya yang berhemah dan bertanggungjawab. Usaha sama daripada semua pihak akan dapat membantu menurunkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita. Semoga kecelekaan di jalan raya ini dapat dikurangkan dan rakyat Malaysia dapat tiba di destinasi masing-masing dalam keadaan yang gembira dan selamat.

网络图片

Faktor-faktor dan Langkah-langkah untuk Menangani Masalah Disiplin Pelajar

Senoir Tiga
Sagu Hati
Khaw Xung Huia
S 3 Kesederhanaan

Selamat pagi kepada Tuan pengerusi majlis, para hakim yang bijaksana, pengetua, guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Saya Khaw Xung Huia dari Senior Tiga Kesederhanaan akan menyampaikan syarahan yang bertajuk “Faktor-faktor dan Langkah-langkah Menangani Masalah Disiplin Pelajar di Sekolah”. Kini, masalah disiplin sekolah dalam kalangan remaja menjadi semakin serius. Kes seperti ponteng sekolah, buli, seks bebas dan sebagainya sentiasa menjadi paparan utama di dada-dada akhbar dan berita utama di kaca televisyen. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang menyebabkan masalah disiplin di sekolah terus berlaku?

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Faktor pertama yang menjadi penyebab fenomena ini terus berlaku ialah pengaruh daripada rakan sebaya. Golongan remaja pada hari ini lebih mengutamakan hubungan mereka dengan rakan sebaya kerana mereka ingin menjadi sebahagian daripada kelompok tersebut. Remaja juga melakukan apa-apa sahaja yang disuruh oleh rakan untuk mendapat kepuasan bersama dalam kelompok mereka. Pelbagai aktiviti negatif yang boleh dilakukan oleh remaja ini seperti vandalisme, lumba haram, dan sebagainya. Pengaruh negatif ini menyebabkan pelajar sudah malas untuk ke sekolah dan lebih selesa untuk mengikut rakan sebaya yang berkelakuan teruk.

Bukan itu sahaja, kurangnya didikan agama dan nilai moral dalam diri remaja hari ini mendorong remaja untuk bebas melakukan apa-apa yang ingin

dilakukan oleh mereka. Pendidikan agama merupakan pendidikan yang penting untuk membentuk peribadi mulia anak-anak. Sekiranya, remaja hari ini tidak mempunyai pegangan agama dan amalan nilai moral, mereka akan bertindak di luar batas kelompok masyarakatnya. Hal inilah yang mengakibatkan kebanyakan remaja membelakangkan ibu bapa dan guru dalam melakukan sesuatu tindakan. Oleh itu, remaja yang kurang mendalami ilmu agama itu membuatkan mereka lari daripada landasan yang telah ditetapkan oleh agama lantas menyebabkan mereka terjerumus dalam lembah maksiat.

Hadirin sekalian,

Di samping itu, pengaruh media massa juga memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada permasalahan ini. Hal ini disebabkan oleh tayangan filem-filem dan drama-drama yang lebih menonjolkan aksi-aksi tidak sesuai ditonton oleh remaja pada hari ini. Adegan seperti babak ganas, seks mengakibatkan keinginan remaja untuk mencuba sesuatu yang baharu semakin meningkat. Malah, penggunaan media sosial seperti youtube ,facebook, twitter telah memberikan impak yang negatif kepada pelajar dalam sistem komunikasi dan berinteraksi dalam alam maya. Pendek kata, pihak media perlulah memantau rancangan-rancangan yang sesuai untuk usia remaja.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa semua penyakit pasti ada penawarnya, dan di mana ada kemahuan di situlah ada jalan. Peranan ibu bapa merupakan satu langkah yang dapat membantu mengatasi masalah disiplin pelajar di sekolah. Hal ini berlaku kerana ibu bapa ialah insan yang paling banyak meluangkan masa bersama anak-anak di rumah. Ibu bapa perlulah memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada anak-anak terutamanya dalam tempoh meningkat remaja. Pada masa yang sama, ibu bapa juga perlu menerapkan didikan

agama kepada anak-anak agar mereka tidak melakukan sesuatu perkara negatif yang bertentangan dengan agama. Jelaslah bahawa ibu bapa perlulah menjadi suri teladan yang baik kepada anak-anak kerana bak kata pepatah mengatakan ‘bagaimana acuan, begitulah kuihnya’.

Selain peranan ibu bapa di rumah, peranan pihak sekolah dalam memantau pergerakan pelajar juga sangat penting. Penguatkuasaan peraturan di sekolah merupakan langkah proaktif yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani masalah disiplin pelajar. Hukuman yang lebih berat juga boleh diperkenalkan untuk memberikan amaran dan peringatan kepada pelajar yang telah melakukan kesalahan berulang kali. Namun begitu, guru perlulah memberikan nasihat dan peringatan kepada pelajar agar tidak melakukan perkara yang boleh merosakkan maruah keluarga dan maruah diri agar kehidupan mereka pada masa akan datang lebih terjamin.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kesimpulannya, remaja merupakan aset kejayaan bagi sesebuah negara. Oleh itu, marilah bersama-sama melindungi remaja hari ini agar mereka tidak terjebak dalam perkara yang boleh merosakkan harapan negara. Remaja yang cemerlang dan tidak mempunyai masalah disiplin dapat membangunkan dan mengharumkan nama negara ke peringkat dunia. Sekian saja syarahan saya.
Sekian, terima kasih.

网络图片

Faedah-faedah Memupuk Amalan Membaca dalam Kalangan Remaja

Senoir Tiga
Sagu Hati
Lim Ee June
S 3 Kesederhanaan

Sejak dulu lagi, amalan membaca merupakan amalan yang berfaedah kepada kita semua. Amalan membaca telah dipupuk dalam kalangan masyarakat sejak mereka masih kecil lagi tanpa mengira latar belakang ekonomi masyarakat. Namun begitu, amalan membaca semakin hari semakin kurang diamalkan dalam diri remaja hari ini. Mereka tidak menyedari kepentingan dan faedah yang dapat diperoleh apabila mereka membaca pelbagai jenis bahan bacaan. Persoalannya, apakah faedah-faedah amalan membaca dipupuk dalam kalangan remaja?

Faedah yang dapat dilihat apabila minat membaca dipupuk dalam kalangan remaja adalah dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dapat memperoleh banyak ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperoleh dalam buku teks di sekolah. Sebagai contohnya, mereka dapat mempelajari pengetahuan am, tentang kesihatan, tentang keselamatan, hal-hal dunia luar dan sebagainya. Berdasarkan pembacaan bahan bacaan yang pelbagai, remaja akan dapat menambah dan meningkatkan ilmu pengetahuan agar mereka juga boleh berkongsi dengan masyarakat luar di sana.

Selain itu, membaca juga dapat melahirkan insan yang bermoral dan berakhlak mulia. Hal ini dikatakan demikian kerana pembacaan buku ilmiah dapat memberikan mereka motivasi dan panduan untuk menjadi manusia yang lebih bermakna. Remaja juga akan memperoleh informasi-informasi yang berguna daripada bahan bacaan yang dibaca untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan sehar-

ian mereka. Oleh hal itu, membaca buku-buku ilmiah dapat membantu seseorang untuk menjadi individu yang lebih cemerlang dan bermotivasi dari sehari ke sehari.

Di samping itu, apabila kita mengamalkan tabiat membaca kita dapat meluangkan masa yang terluang dengan baik. Kita tidak akan melakukan perkara yang membazirkan masa dan tidak mendatangkan manfaat kepada kehidupan. Membaca sebenarnya boleh mengurangkan tekanan setelah penat bekerja seharian. Bahan bacaan ringan seperti majalah dan juga akhbar dapat memberikan peluang kepada individu untuk mengetahui maklumat-maklumat mutakhir yang berlaku di dunia. Oleh itu, membaca diibaratkan seperti jambatan ilmu kerana dengan membaca, remaja dapat meluaskan pandangan dan pengetahuan tentang isu-isu semasa.

Seterusnya, amalan membaca juga dapat mendedahkan remaja dengan isu semasa dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam negara. Remaja yang tekun membaca pelbagai jenis bahan bacaan akan sentiasa berusaha untuk mengetahui isu-isu yang penting agar mereka boleh memberikan pendapat dan mendapat pandangan daripada orang yang lebih berpengalaman. Perkongsian ilmu melalui bahan bacaan akan menyebabkan masyarakat dapat menerima kritikan dan pandangan tanpa menilai hanya dari satu pihak sahaja. Oleh itu, di sinilah pentingnya amalan membaca agar setiap orang boleh berkongsi pendapat dan memberi pendapat.

Di samping itu, amalan membaca juga akan melahirkan generasi yang bermotivasi untuk belajar dan berjaya dalam pelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan berusaha untuk membaca buku yang berkaitan dengan mata pelajaran di sekolah. Mereka turut boleh mencari bahan bacaan lain agar dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam sesuatu subjek. Tindakan sebegini akan menjadikan pelajar dapat mencapai keputu-

san yang cemerlang dan menjadi teladan kepada pelajar yang lain. Sehubungan dengan itu, amalan membaca dalam kalangan pelajar amat penting bagi meningkatkan pencapaian tahap pelajaran mereka agar dapat menyambung pengajian ke menara gading.

Kesimpulannya, amalan membaca banyak membawa faedah kepada remaja dan juga seluruh lapisan masyarakat di Malaysia. Manfaat mengamalkan amalan membaca ini hendaklah dihebahkan kepada semua lapisan masyakat agar rakyat Malaysia menjadi rakyat yang cinta akan buku. Oleh itu, usaha daripada semua pihak untuk memastikan amalan membaca ini boleh dijadikan satu hobi perlulah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tidak ‘seperti hangat-hangat tahi ayam’ agar kita dapat melahirkan generasi kelas pertama menjelang Wawasan 2020 kelak.

网络图片

美术作品

许幸　高二盈

陈芷芊　高三诚



陈厚元　初二朴

陈礼恒　高二智

庞蕙琪　高二盈

叶格吾　高三诚

梁汉明　高三谦

戴慧雯　初三诚



何炜健　高二美

尚燕婷　高三智

林汶璇　高二美

杨健安　高二美

许瑾贤　高三美

施亚瀚　高二美

施亚瀚　高二美

施正浩　高二美

施亚瀚　高二美

施正浩　高二美

汤贝尔　高二美

张建雄　高二美

张建雄　高二美

杨健安　高二美

施亚瀚　高二美

施亚瀚　高二美

杨健安　高二美

李玟毅　高二美



杨健安　高二美

林奕慧　高二谦

王南杰　高一廉

郑芝琳　高一廉



王祖怡　初二爱

尊孔獨立中學
Confucian Private Secondary School

地址：
Confucian Private Secondary School
Lorong Hang Jebat,
50150, Kuala Lumpur,
Malaysia.
电话：
03-2072 6321
传真：
03-2072 4463
学校电邮：
info@confucian.edu.my
学校网址：
www.confucian.edu.my